# LAMPIRAN

أكاديمية الدراسات الإسلامية
# AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
*Academy of Islamic Studies*

[UNIVERSIT]I MALAYA
[506]03 Kuala Lumpur
MALAYSIA

[Timbal]an Pengarah
[(Penga]jian Syariah)
[Tel] : (603)-769 6022

[Jabatan Sy]ariah & Ekonomi
: (603)-769 6006

[Jab]atan Fiqh & Usul
: (603)-769 6011

[Jabatan Syariah &] Undang-undang
: (603)-769 6003

[Jabatan Siasa]h & Pengurusan
: (603)-769 6013

[Jabatan Siy]asah Syar'iyyah
: (603)-769 6005

[Timbal]an Pengarah
[(Pengajia]n Usuluddin)
(603)-769 6025

[Jabatan Al-Qu]ran & Al-Hadith
(603)-769 6010

[Jabatan Akidah & P]emikiran Islam
(603)-769 6014

[Jabatan Sejarah &] Tamadun Islam
(603)-769 6008

[Jabatan Dakwah & Pem]bangunan Insan
(603)-769 6009

[Timbal]an Pengarah
[(Pengajia]n Bersama)
(603)-769 6030

UM.I/UD/606(3)

2 April 2002

Sesiapa Yang Berkenaan

Tuan,

ROZI BIN ZAKARIA

Adalah dimaklumkan bahawa Rozi bin Zakaria, No. Pendaftaran: IGBY 01030, No. Kad Pengenalan 740107-06-5781, adalah seorang calon Ijazah Tinggi di peringkat Sarjana dari Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sesi 2002/2003 dan beliau sedang menjalankan penyelidikan bertajuk: ***"DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR".***

Saya amat berterima kasih jika pihak tuan dapat memberikan kerjasama dan pertolongan kepada beliau semasa menjalankan penyelidikan tersebut.

Sekian, terima kasih.

"CEMERLANG BERSAMA UM"

Yang benar,

(NORRODZOH HJ. SIREN)
Ketua
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan

AAMZ/amk(suratakuan)

LAMPIRAN 1

BORANG SOAL SELIDIK

*Tajuk:*

# DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR

*Penulis:*

ROZI BIN ZAKARIA

*Objektif kajian:*

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan fakta berhubung dengan profil Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur , reaksi Mak Nyah muslim terhadap program dakwah dan sejauhmana keberkesanan dakwah terhadap Mak Nyah muslim serta permasalahannya . Segala maklumat yang diberi adalah dirahsiakan. Ia akan dijadikan data bagi menyediakan disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, sesi 2001 / 2002. Dengan itu , dipohon kerjasama daripada anda supaya dapat mengisi borang ini dengan ikhlas dan jujur. Terima kasih.

Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan
Bahagian Pengajian Usuluddin
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya.
2002

BORANG SOAL SELIDIK DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR BAGI MENYEDIAKAN DISERTASI IJAZAH SARJANA USULUDDIN, UNIVERSITI MALAYA.

**Sila tanda ( √ ) pada perkara yang berkaitan**

PROFIL MAK NYAH

1. Peringkat umur.
   - i. 5 - 20 tahun ( )
   - ii. 21 - 30 tahun ( )
   - iii. 31 - 40 tahun ( )
   - iv. 41 - 50 tahun ( )
   - v. 50 - 60 tahun ( )

2. Tahap Pendidikan.
   - i. Darjah enam ( )
   - ii. LCE /SRP/ PMR ( )
   - iii. SPM / SPMV ( )
   - iv. Diploma ( )
   - v. Ijazah ( )

3. Pekerjaan.
   - i. Tukang masak ( )
   - ii. Jurusolek ( )
   - iii. Berniaga ( )
   - iv. Kerajaan ( )
   - v. Sendiri ( )

4. Pendapatan sebulan (RM)
   - i. < 1000 ( )
   - ii. 1000 - 2000 ( )
   - iii. 2000 - 3000 ( )
   - iv. 3000 - 4000 ( )
   - v. > 4000 ( )

5. Waktu bekerja

| | | |
|---|---|---|
| i. | Malam | (   ) |
| ii. | Siang | (   ) |
| iii. | Tidak menentu | (   ) |

6. Lokasi kediaman

| | | |
|---|---|---|
| i. | Ampang | (   ) |
| ii. | Chow Kit | (   ) |
| iii. | Kg. Baru | (   ) |
| iv. | Cheras | (   ) |
| v. | Sentul | (   ) |
| vi. | Jalan Ipoh | (   ) |
| vii. | Setapak | (   ) |
| viii. | Pantai Dalam | (   ) |
| ix. | Bangsar | (   ) |

7. Jenis kediaman

| | | |
|---|---|---|
| i. | Kondominium | (   ) |
| ii. | Apartment | (   ) |
| iii. | Rumah Teres | (   ) |
| iv. | Rumah Pangsa | (   ) |
| v. | Rumah Kampung | (   ) |

8. Negeri Asal.

| | | |
|---|---|---|
| i. | Perlis | (   ) |
| ii. | Pulau Pinang | (   ) |
| iii. | Kedah | (   ) |
| iv. | Perak | (   ) |
| v. | Pahang | (   ) |
| vi. | Selangor | (   ) |
| vii. | Melaka | (   ) |
| viii. | Johor | (   ) |
| ix. | Kelantan | (   ) |
| x. | Terengganu | (   ) |
| xi. | Kuala Lumpur | (   ) |
| xii. | Negeri Sembilan | (   ) |
| xiii. | Sabah | (   ) |
| xiv. | Sarawak | (   ) |

9. Peringkat umur mula menjadi Mak Nyah.

| | | |
|---|---|---|
| i. | 5 - 10 tahun | (   ) |
| ii. | 11 - 15 tahun | (   ) |
| iii. | 16 = 20 tahun | (   ) |
| iv. | 21 - 30 tahun | (   ) |

10. Apakah sebabnya anda menjadi Mak Nyah ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Pengaruh rakan | (   ) |
| ii. | Dorongan Naluri | (   ) |
| iii. | Sikap ibu bapa | (   ) |
| iii. | Kerjaya | (   ) |
| iv. | Pengalamam buruk masa lalu | (   ) |
| v. | Keturunan | (   ) |
| vi. | Semulajadi | (   ) |

11. Apakah kesan yang dialami bila menjadi Mak Nyah ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Terpaksa lari dari rumah | (   ) |
| ii. | Sukar mendapat pekerjaan | (   ) |
| iii. | Menghadapi masalah kewangan | (   ) |
| iv. | Tekanan emosi | (   ) |
| v. | Berjaya dalam hidup | (   ) |
| vi. | Dapat membantu keluarga | (   ) |

REAKSI TERHADAP PROGRAM DAKWAH

12. Apakan sikap anda terhadap program dakwah ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Suka | (   ) |
| ii. | Kurang suka | (   ) |
| iii. | Tidak suka | (   ) |
| iv. | Tidak pasti | (   ) |

13. Jika suka, apakah sebab-sebabnya ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Dapat menjalinkan hubungan dengan masyarakat lain | (   ) |
| ii. | Menambahkan ilmu | (   ) |
| iii. | Dapat menghilangkan tekanan kerja | (   ) |
| iv. | Mengisi masa lapang | (   ) |
| v. | Tidak pasti | (   ) |

14. Jika tidak suka , apakah sebab-sebabnya ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Mengganggu kerja harian | (   ) |
| ii. | Objektif program tidak jelas | (   ) |
| iii. | Waktu tidak sesuai | (   ) |
| iv. | Malu | (   ) |
| v. | Tidak minat | (   ) |
| vi. | Tidak suka bercampur dengan orang lain | (   ) |

PENGLIBATAN DALAM PROGRAM DAKWAH

15. Pernahkah anda menyertai program dakwah ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Kadang-kadang | (   ) |
| ii. | Tidak pernah | (   ) |
| iii. | Selalu | (   ) |
| iv. | Tidak pasti | (   ) |

16. Jika pernah , apakah bentuk program tersebut ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Ceramah | (   ) |
| ii. | Perbincangan/Diskusi | (   ) |
| iii. | Ziarah | (   ) |
| iv. | Kelas-kelas pengajian | (   ) |

17. Sekiranya pernah mengikuti, siapakah penganjurnya ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Agensi kerajaan | (   ) |
| ii. | Badan dakwah bukan kerajaan (NGO) | (   ) |
| iii. | Orang perseorangan | (   ) |
| iv. | Masjid | (   ) |
| v. | Tidak pasti | (   ) |

18. Sebab yang mendorong anda mengikuti program dakwah.

| | | |
|---|---|---|
| i. | Minat | (   ) |
| ii. | Terpaksa | (   ) |
| iii. | Mengisi masa lapang | (   ) |
| iv. | Untuk menambahkan ilmu | (   ) |
| v. | Tidak pasti | (   ) |

19. Sebab yang mendorong anda tidak menyertai program dakwah.

| | | |
|---|---|---|
| i. | Tidak minat | ( ) |
| ii. | Malu | ( ) |
| iii. | Masa dan tempatprogram tidak sesuai | ( ) |
| iv. | Tiada program yang dianjurkan | ( ) |
| v. | Sibuk dengan kerjaya | ( ) |
| vi. | Objektif program tidak jelas | ( ) |

KESESUAIAN PROGRAM DAKWAH

20. Adakah program dakwah yang dijalankan sesuai dengan Mak Nyah muslim ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Sesuai | ( ) |
| ii. | Kurang sesuai | ( ) |
| iii. | Tidak sesuai | ( ) |
| iv. | Tidak pasti | ( ) |

21. Jika sesuai, apakah sebabnya ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Dapat menambahkan ilmu | ( ) |
| ii. | Dapat mengisi masa lapang | ( ) |
| iii. | Dapat membuka fikiran | ( ) |
| iv. | Pengisian programnya memberi faedah | ( ) |
| v. | Dapat membina hubungan dengan orang lain | ( ) |
| vi. | Tidak pasti | ( ) |

22. Jika tidak sesuai, apakah sebabnya ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Penyampaiannya sukar difahami | ( ) |
| ii. | Isi dakwah yang tidak sesuai dengan Mak Nyah | ( ) |
| iii. | Personaliti pendakwah yang membosankan | ( ) |
| iv. | Bentuk program yang membosankan | ( ) |
| v. | Tidak pasti | ( ) |

23. Jika anda diberi peluang menentukan program dakwah, apakah jenis program yang anda rasa sesuai dengan keperluan Mak Nyah muslim ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Ceramah | ( ) |
| ii. | Perbincangan / diskusi | ( ) |
| iii. | Kelas pengajian | ( ) |
| iv. | Ziarah | ( ) |
| v. | Membina hubungan baik | ( ) |
| vi. | Tidak pasti | ( ) |

24. Bilakah masa yang anda fikir sesuai untuk program dakwah ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Pagi | ( ) |
| ii. | Tengahari | ( ) |
| iii. | Petang | ( ) |
| iv. | Malam | ( ) |
| v. | Tidak pasti | ( ) |

25. Dimanakah tempat yang anda fikir sesuai ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Di masjid | ( ) |
| ii. | Di rumah | ( ) |
| iii. | Di Dewan | ( ) |
| iv. | Tidak pasti | ( ) |
| v. | Lain-lain...................... | |

KEBERKESANAN PROGRAM DAKWAH

26. Sejauhmana keberkesanan program dakwah ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Semua berkesan | ( ) |
| ii. | Sederhana berkesan | ( ) |
| iii. | Tidak berkesan | ( ) |
| iv. | Tidak pasti | ( ) |

27. Apakah sebab-sebab berkesanannya program dakwah ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Cara penyampaiannya mudah difahami | ( ) |
| ii. | Tempat dan masanya sesuai | ( ) |
| iii. | Personaliti pendakwah menarik | ( ) |
| iv. | Isi dakwah memberi faedah | ( ) |
| v. | Tidak pasti | ( ) |

28. Apakah sebab-sebab tidak berkesannya program dakwah ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Penyampaian sukar difahami | (   ) |
| ii. | Pengisian programnya tidak sesuai | (   ) |
| iii. | Personaliti pendakwah tidak menarik | (   ) |
| iv. | Tempat dan masa tidak sesuai | (   ) |
| v. | Tidak pasti | (   ) |

KEBERKESANAN DARI SUDUT KEFAHAMAN

29. Bagaimanakah tahap kefahaman anda terhadap program dakwah yang diikuti ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Faham semua | (   ) |
| ii. | Faham sedikit | (   ) |
| iii. | Tidak faham | (   ) |
| iv. | Tidak pasti | (   ) |

30. Apakah sebab tidak faham / gaham sedikit ?

| | | |
|---|---|---|
| v. | Dapat mengubah kehidupan kepada lebih baik | (   ) |
| vi. | Ingin mendalami tentang Islam | (   ) |
| vii. | Tidak pasti | (   ) |

31. Sejauhmanakah program dakwah yang diikuti dapat menambahkan ilmu pengetahuan ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Banyak bertambah | (   ) |
| ii. | Sederhana bertambah | (   ) |
| iii. | Kurang bertambah | (   ) |
| iv. | Tidak bertambah | (   ) |
| v. | Tidak pasti | (   ) |

32. Adakah anda pasti program dakwah tersebut dapat meningkatkan penghayatan dalam melaksanakan ibadat khusus ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Ya | (   ) |
| ii. | Tidak | (   ) |
| iii. | Kurang pasti | (   ) |

33. Sejauhmanakah keberkesanan program dakwah terhadap penghayatan ajaran Islam ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Banyak berkesan | (   ) |
| ii. | Sederhana berkesan | (   ) |
| iii. | Kurang berkesan | (   ) |
| iv. | Tidak berkesan | (   ) |
| v. | Tidak pasti | (   ) |

34. Apakah sebab kurang berkesan / tidak berkesan ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Terlalu sibuk dengan kerjaya | (   ) |
| ii. | Pengaruh persekitaran | (   ) |
| iii. | Tiada model yang boleh diikuti | (   ) |
| iv. | Kurang kesedaran | (   ) |

35. *Sejauhmanakah keberkesanan program dakwah terhadap meninggalkan* perkara maksiat ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Banyak berkesan | (   ) |
| ii. | Sederhana berkesan | (   ) |
| iii. | Kurang berkesan | (   ) |
| iv. | Tidak berkesan | (   ) |
| v. | Tidak pasti | (   ) |

36. Apakah sebab kurang berkesan / tidak berkesan ?

| | | |
|---|---|---|
| i. | Penguatkuasaan yang lemah | (   ) |
| ii. | Pengaruh persekitaran | (   ) |
| iii. | Kurang kesedaran | (   ) |
| iv. | Tidak pasti | (   ) |

MASALAH DAKWAH

37. Apakah masalah yang anda fikir boleh wujud hasil daripada usaha dakwah terhadap Mak Nyah muslim ? ( Boleh menjawab lebih dari satu)

| | | |
|---|---|---|
| i. | Masalah kewangan | (   ) |
| ii. | Terlalu sibuk dengan kerjaya | (   ) |
| iii. | Masa & tempat program yang tidak sesuai | (   ) |
| iv. | Prejudis terhadap pendakwah | (   ) |
| v. | Malu | (   ) |
| vi. | Lain-lain (nyatakan)........................................ | |

38. Apakah faktor yang menyebabkan anda kurang berminat kepada dakwah ? ( Anda dibenarkan menjawab lebih dari satu)

| | | |
|---|---|---|
| i. | Pendekatan pendakwah yang lemah | (    ) |
| ii. | Terdapat unsur-unsur paksaan | (    ) |
| iii. | Isi dakwah yang tidak sesuai | (    ) |
| iv. | Bentuk program yang statik | (    ) |
| v. | Masa & tempat yang tidak mengizinkan | (    ) |
| vi. | Tidak pasti | (    ) |
| vii. | Lain-lain (nyatakan) ....................................... | |

39. Apakah sikap masyarakat yang menjadi penghalang dakwah kepada Mak Nyah muslim . ( Anda dibenarkan menjawab lebih dari satu)

| | | |
|---|---|---|
| i. | Memandang serong terhadap Mak Nyah | (    ) |
| ii. | Mengambil kesempatan | (    ) |
| iii. | Menghina dan mengejek | (    ) |
| iv. | Tekanan jiwa | (    ) |
| v. | Prejudis | (    ) |
| vi. | Tidak pasti | (    ) |

BORANG TEMUBUAL

MAKLUMAT PROGRAM DAKWAH DI KALANGAN MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR

1. Agensi / Jabatan. :..............................................................
2. Pegawai yang dihubungi/ temubual : ........................................
3. Jawatan : ...........................................................................
4. Tarikh :........................... Masa : ..................................Tempat :
   ..........................................................................................
5. Latar belakang :

...............................................................................................

...............................................................................................

...............................................................................................

...............................................................................

6. Bentuk program :

...............................................................................................

...............................................................................................

...............................................................................................

...............................................................................................

............................................................................................

7. Reaksi / sikap

...............................................................................................

...............................................................................................

...............................................................................................

...............................................................................................

...............................................................................................

...............................................................................................

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

8. Sambutan/ Penglibatan

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

9. Masalah

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

.......................................................

10. Cadangan

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

.....................................................................................

# BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA, 1991

POPULATION AND HOUSING CENSUS OF MALAYSIA, 1991

LAMP

# WILAYAH PERSEKUTUAN
## ( KUALA LUMPUR)

## PETA MENUNJUKKAN SEMPADAN DAERAH PENTADBIRAN

MAP SHOWING ADMINISTRATIVE DISTRICT BOUNDARY




Disediakan dan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia 1995

Prepared and published by the Department of Statistics, Malaysia 1995

*LAMPIRAN 3*

**MINIT PERJUMPAAN**
**PERSATUAN MAK NYAH WILAYAH PERSEKUTUAN,**
**KUALA LUMPUR,**
*PADA 23HB. MAC, 1986*

| | | |
|---|---|---|
| Tempat | : | Bilik Gerakan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. |
| Masa | : | 4.30 petang. |
| Ahli Yang Hadir | : | Seperti Lampiran B<br>Wan Azmi Ramli –Penasihat<br>*(pengarah)* |
| Turut Hadir | : | Encik Juhari Jani<br>Pegawai Ilmu Jiwa – Penasihat<br>Cik Indra Sekharan – Penasihat<br>*(Pekerja Sukarela)*<br>En. Kamaruddin Mat Taib – Wakil Khas<br>(Pegawai Kanan JKM WP Kuala Lumpur) |
| Pengerusi Mesyuarat: | | En. Shamsudin Abd. Razak – (Mimi Zarina) |

**Perbincangan**

Perbincangan ditumpukan kepada penggubalan perlembagaan persatuan. Dalam perbincangan yang telah dijalankan itu beberapa hal telah dipersetujui. Perkara-perkara tersebut adalah:

1. Semua ahli bersetuju nama persatuan sebagai Persatuan Mak Nyah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Ahli-ahlinya terdiri dari kaum mak nyah yang menetap di Kuala Lumpur.
2. Pejabat sementara untuk mesyuarat persatuan dan juga alamat berdaftar persatuan menggunakan alamat:

   Pejabat Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan,

   Kuala lumpur,

   No. 66, Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur.
3. Cadangan bagi PENAUNG Persatuan:

   Menteri Kebajikan Masyarakat Malaysia.

   Menteri Wilayah Persekutuan.

   Setelah dibincang dan dibuat undian, persetujuan telah dicapai untuk melantik Menteri Kebajikan Masyarakat Malaysia sebagai penaung persatuan.
4. Semua ahli bersetuju dengan Penasihat Persatuan yang telah dilantik dalam perjumpaan mesyuarat yang pertama.
5. Tujuan Persatuan dipersetujui seperti berikut:
   a. Menggalakkan ahli-ahli mengambil bahagian dalam bidang sukan, agama, kebajikan serta kebudayaan dan pelajaran untuk menimbulkan rasa muhibah dan persefahaman serta meluaskan pengetahuan dalam pergaulan mereka.

b. Membantu ahli-ahli dalam mengurangkan masalah yang timbul serta mereka yang memerlukan pertolongan yang munasabah.

c. Bergabung dengan pertubuhan lain yang mempunyai maksud yang sama serta mengadakan aktiviti bersama di samping bekerjasama dengan agensi kerajaan serta swasta berhubung dengan aktiviti pertubuhan.

d. Mengendalikan sumber-sumber kewangan bagi melancarkan perjalanan aktiviti pertubuhan.

6. Kedudukan keahlian dipersetujui seperti berikut:

a. Ahli Biasa – Terbuka kepada semua mak nyah yang tinggal di sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

**Mak nyah telah ditakrifkan sebagai "seorang insan yang zahirnya lelaki tetapi berjiwa dan perasaan wanita tanpa bermisai dan berjanggut'**

b. Persetujuan juga dicapai bahawa sekiranya secara rasmi atau tidak mak nyah yang bekerja dibenarkan berpakaian wanita di tempat kerja, hendaklah kaum mak nyah itu berpakaian wanita. Jika tidak keahliannya tidak dapat diterima.

7. Yuran bulanan dicadangkan seperti berikut:

a. $5.00 – 34 undi
b. $2.00 – 12 undi
c. $1.00 – 2 undi
d. $10.00 – 22 undi
e. $3.00 – 6 undi
e. $20.00 – 3 undi

**Keputusan:** – Diterima $5.00 sebagai yuran ahli.
– Dipersetujui juga $10.00 sebagai yuran pendaftaran.

8. Pengerusi telah membacakan lain-lain perkara berhubung dengan Perlembagaan Persatuan sebagaimana yang telah didrafkan dan semua ahli telah bersetuju sebagaimana draf tersebut.

9. Beberapa larangan juga dipersetujui untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan persatuan. Larangan-larangan tersebut ialah:

a. Dilarang membawa masuk, atau mengambil apa juga jenis dadah dan dilarang melakukan lain-lain kejahatan di rumah persatuan.

b. Lelaki boleh dibawa masuk ke rumah persatuan, hanya dengan urusan rasmi atau dibawa masuk di waktu tidak rasmi dengan syarat tidak melakukan perbuatan yang mencemarkan.

c. Lelaki yang tidak berkenaan tidak dibenarkan masuk ke majlis mesyuarat.

d. Semua jenis bentuk judi dan minuman keras adalah dilarang di dalam rumah persatuan.

e. Persatuan atau ahli-ahlinya tidak boleh menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang

atau mengambil peranan dalam gerakan persatuan sekerja seperti yang diterangkan dalam undang-undang Kesatuan Sekerja 1959.

f. Persatuan tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli atau tidak, atas nama persatuan, pegawai-pegawai atau jawatankuasa atau ahli.

g. Persatuan ini dilarang mempunyai gabungan di luar Malaysia.

10. Mesyuarat ditangguhkan jam 6.50 petang.

# UNDANG-UNDANG BAGI PERSATUAN MAK NYAH, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

1. **NAMA**

   Persatuan ini dinamakan sebagai Persatuan Mak Nyah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan selepas ini dikenali sebagai Persatuan sahaja.

2. **TEMPAT URUSAN:**

   Tempat urusan Persatuan ini ialah di Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, No. 66, Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur. Tempat urusan ini tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

3. **PENAUNG:**

   Y.B. Menteri Kebajikan Masyarakat, Malaysia

4. **PENASIHAT:**

   a. Pengarah Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

   b. Presiden dengan persetujuan ahli jawatankuasa boleh melantik dua orang lain selain daripada para (a) di atas sekiranya difikirkan perlu.

5. **TUJUAN:**

   a. Menggalakkan ahli-ahlinya mengambil bahagian di bidang sukan dan Kebajikan, Agama, Pelajaran serta Kebudayaan supaya menimbulkan persefahaman serta meluaskan pengetahuan dan pergaulan mereka.

   b. Membantu ahli-ahlinya untuk mengurangkan bebanan masalah yang timbul dan yang memerlukan pertolongan yang munasabah.

   c. Bergabung dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang mempunyai maksud yang sama serta mengadakan aktiviti-aktiviti bersama di samping bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan aktiviti Persatuan.

   d. Mengendalikan sumber-sumber kewangan bagi melancarkan perjalanan aktiviti Persatuan.

6. **AHLI:**

   a. Ahli-ahli Persatuan ini terdiri dari Ahli Kehormat dan Ahli Biasa.

      i. Jawatankuasa akan mempelawa sesiapa yang difikirkan munasabah untuk menjadi Ahli Kehormat dengan tidak mengenakan sebarang bayaran atas keahliannya.

      ii. Ahli Biasa adalah terdiri dari mak nyah yang bermastautin di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

iii. Tiap tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang hendaklah mengemukakan permohonan dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

iv. Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar masuk yuran pertama seperti yang tertentu diterima menjadi Persatuan dan berhaklah ia sebagai ahli.

7. **BAYARAN MASUK DAN YURAN BULANAN:**

a. Semua ahli (Kecuali Ahli Kehormat) dikenakan bayaran yuran sebanyak $5.00 (lima ringgit) sebulan dan yuran masuk menjadi ahli ialah $10.00 (sepuluh ringgit).

b. Semua bayaran yuran hendaklah dibayar kepada Bendahari selewat-lewatnya dua minggu pada tiap-tiap awal bulan berikut. Jika berlaku kelewatan, ahli berkenaan akan diberi ingatan oleh Bendahari. Jika sekiranya yuran itu tidak dijelaskan selama tiga bulan berturut-turut maka keahliannya akan dilucutkan.

8. **KEISTIMEWAAN AHLI:**

a. Semua ahli akan mendapat hak yang sama dalam sebarang kemudahan dan berhak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan.

b. Hanya ahli biasa saja boleh dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa dan mempunyai kuasa mengundi di mesyuarat agung.

9. **PENGURUSAN PERSATUAN:**

a. Pengurusan Persatuan ditadbirkan oleh satu Jawatankuasa yang dilantik dalam mesyuarat agung yang terdiri daripada:–

i. Yang Dipertua
ii. Naib Yang Dipertua
iii. Setiausaha Kehormat
iv. Penolong Setiausaha Kehormat
v. Bendahari Kehormat
vi. 4 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

b. Jawatankuasa ini akan berkuasa memenuhi mana-mana kekosongan yang berlaku dan Ahli-Ahli Jawatankuasa yang tidak menghadiri mesyuarat selama tiga kali berturut-turut akan terlucut dari jawatannya, kecuali ia memberi alasan munasabah dan diterima oleh Jawatankuasa.

c. Pemegang-pemegang jawatan persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam Persatuan ini hendaklah warganegara Malaysia.

d. Nama-nama untuk jawatan-jawatan yang di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara

mengundi oleh ahli-ahli di dalam mesyuarat agung tahunan. Semua pegawai-pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap tahun.

e. Pekerjaan Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa taat kepada keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatannya di dalam tahun lalu kepada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan.

## 10. MESYUARAT JAWATANKUASA:

a. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua bulan.

b. Di mesyuarat Jawatankuasa, sekurang-kurangnya setengah (1/2) jumlah orang ahli akan cukup jadi satu korum.

## 11. MESYUARAT AGUNG:

a. Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan akan diadakan tidak lewat daripada 30hb. Mac, tiap-tiap tahun untuk maksud-maksud berikut:-

   i. Mengesahkan minit mesyuarat agung yang lepas.

   ii. Menerima dan meluluskan penyata kira-kira yang telah diperiksa oleh Juruaudit untuk tahun lepas dan menerima laporan atas perjalanan persatuan.

   iii. Melantik ahli Jawatankuasa untuk tahun akan datang.

   iv. Melantik 2 orang Pemeriksa Kira-kira.

   v. Membincangkan perkara-perkara lain yang telah diberitahu kepada Setiausaha secara bertulis mengikut peraturan di bawah.

b. Kenyataan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan serta perkara-perkara yang akan dibincangkan dan penyata kira-kira persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit hendaklah dihantar kepada semua ahli Persatuan dan hendaklah dipamerkan atas papan kenyataan Persatuan tidak lewat daripada 14 hari sebelum tarikh mesyuarat.

c. Laporan Jawatankuasa dan penyata kira-kira mesti dipamerkan juga di Papan Kenyataan Persatuan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat.

d. Korum untuk mesyuarat agung dikira cukup apabila dihadiri oleh 1/2 daripada ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda bilangan ahli Jawatankuasa (ikut mana yang kurang).

e. Cadangan-cadangan untuk dibincangkan di dalam mesyuarat tidak boleh dikemukakan di dalam mesyuarat agung tahunan melainkan

setelah diberikan secara bertulis sekurang-kurangnya lima hari terdahulu daripada tarikh mesyuarat.

f. Jika mesyuarat tidak mencukupi korum maka pengerusi bagi mesyuarat itu akan menangguhkan mesyuarat dan menetapkan satu tarikh lain sekurang-kurangnya 7 hari kemudian, tetapi tidak lewat dari dua minggu. Pada mesyuarat ini hanya hal-hal yang telah dicadangkan untuk mesyuarat yang asal akan dibincangkan. Dalam mesyuarat ini jumlah ahli yang hadir akan mencukupkan korum.

**12. MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA:**

a. Jawatankuasa boleh mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa apabila difikirkan perlu atau dengan permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 orang ahli persatuan.

b. Permintaan untuk mengadakan Mesyuarat Agung luar biasa bersama-sama dengan alasan-alasan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kehormat Persatuan. Jawatankuasa akan bertanggungjawab memanggil mesyuarat tidak lewat daripada 3 (tiga) minggu selepas menerima kenyataan itu.

c. Perkara-perkara lain daripada perkara-perkara yang telah ditetapkan tidak akan dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa.

d. Yang Dipertua akan mempengerusikan semua Mesyuarat Agung Luar Biasa. Jika Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua tidak hadir dalam tempoh 15 (lima belas) minit daripada masa yang ditetapkan, maka ahli-ahli yang hadir boleh memilih seorang lain antara mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

e. Jika didapati korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari tarikh yang ditetapkan maka mesyuarat tidak akan diadakan.

**13. UNDI:**

a. Cadangan tidak akan dipertimbangkan jika tidak disokong. Setelah cadangan disokong, keputusan akan didapati dengan mengangkat tangan.

b. Semua ahli-ahli, termasuk ahli-ahli jawatankuasa hanya berhak untuk satu undi sahaja. Yang Dipertua akan mempunyai undi pemutus *(casting vote)*.

**14. KUASA-KUASA JAWATANKUASA:**

a. Jawatankuasa akan mempunyai kuasa untuk melantik Jawatankuasa kecil untuk maksud yang tertentu, jika munasabah.

b. Jawatankuasa kecil *(sub-committee)* berhak menggunakan kuasa-kuasa yang telah ditetapkan untuknya, tetapi akan juga tertakluk kepada arahan-arahan Jawatankuasa.

c. Jawatankuasa mempunyai kuasa membuat undang-undang tambahan *(by-laws)* untuk melicinkan pengurusan aktiviti Persatuan disahkan.

15. **TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA:**

a. **Yang Dipertua:**

Yang Dipertua akan mempengerusikan semua mesyuarat agung dan mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab untuk menentukan segala yang dijalankan itu betul dan dengan cara demokratik.

b. **Naib Yang Dipertua**

Ia akan menjalankan tugas-tugas Yang Dipertua semasa ketiadaannya.

c. **Setiausaha Kehormat:**

i. Menguruskan semua Mesyuarat Agung dan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa.

ii. Menyediakan dan menyimpan minit-minit Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa.

iii. Bertanggungjawab atas semua surat-menyurat bagi pihak Persatuan.

iv. Menyimpan '*inventory*' bagi semua harta benda persatuan.

v. Menyimpan semua laporan-laporan dan rekod-rekod persatuan.

vi. Menyediakan laporan tahunan untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan.

vii. Menjalankan arahan-arahan Persatuan dan Jawatankuasa.

viii. Menyimpan buku daftar ahli yang lengkap mengandungi nama, no. kad pengenalan, tarikh dan tempat lahir, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat tempat tinggal.

d. **Penolong Setiausaha Kehormat:**

i. Menolong Setiausaha Kehormat menjalankan tugas-tugasnya.

e. **Bendahari Kehormat:**

i. Menyimpan buku-buku kenyataan kira-kira kewangan untuk diserahkan kepada Pemeriksa Kira-kira Kehormat pada akhir tahun.

ii. Menyediakan kenyataan kira-kira tahunan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat agung tahunan oleh Mesyuarat Jawatankuasa.

iii. Mengadakan "*Petty Cash account*' tidak lebih daripada $25.00 (dua puluh lima ringgit) sebagai wang panjar runcit.

16. **Kewangan:**

a. Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan

termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji, dan upah memeriksa kira-kira, tetapi walau bagaimanapun tidaklah boleh diguna untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah.

b. Bendahari boleh menyimpan wang runcit tidak lebih daripada $...... pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.

c. Segala cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangan bersama oleh Yang Dipertua, Setiasuaha dan Bendahari. Kerana ketiadaan Yang Dipertua, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah kuasa melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.

d. Perbelanjaan yang lebih daripada $....... bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada $..... bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada $ ........ bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Yang Dipertua bersama Setiausaha dan Bendahari.

e. Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta timbangan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira mengikut undang-undang 17, dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan mesyuarat agung tahunan yang berikutan.

f. Tahun Kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

17. **PEMERIKSA KIRA-KIRA:**

a. Satu atau lebih orang yang bukannya pegawai-pegawai persatuan boleh dilantik dalam mesyuarat agung sebagai Pemeriksa Kira-Kira Kehormat. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.

b. Pemeriksa atau pemeriksa-pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau mengesahkannya untuk mesyuarat agung. Mereka juga harus dikehendaki bila-bila masa oleh Yang Dipertua untuk memeriksa kira-kira dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

18. **PINDAAN UNDANG-UNDANG:**

a. Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk

perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai dari tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

19. **LARANGAN:**

a. Dilarang menghisap, menyimpan atau mengedar dadah dalam rumah Persatuan dan membawa masuk lelaki lucah dan orang-orang jahat ke dalam rumah persatuan.

b. Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah persatuan: *Roulette, Lott, Fan tan, Poh, Chap Ji Kee Sam Cheong*. Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah semua permainan dadu, *bankers game* dan semua permainan yang bergantung kepada nasib.

20. **PEMBUBARAN:**

a. Persatuan hanya akan dapat dibubarkan dengan persetujuan 2/3 jumlah ahli-ahli Persatuan dalam Mesyuarat Agung yang diadakan khas untuk maksud tersebut.

b. Jika Persatuan dibubarkan semua hutang piutang akan dibayar dengan wang persatuan yang masih ada dan didermakan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang berdaftar. Kenyataan bersabit dengan pembubaran hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam tempoh 14 hari dari tarikh tersebut.



*Pengarah Kebajikan Masyarakat (WP) K.L. diapit oleh dua pegawai Pembangunan Sosial di sebelah kanannya dan sebelah kiri Timbalan Pengarah (1) YM Tengku Zain. Mimi Zarina Presiden dan Noni.*



*Para ahli Jawatankuasa Penaja bergambar di hadapan Kementerian setelah berdailog panjang lebar dengan YB Menteri Kebajikan Masyarakat, Dato' Hj. Abu Hassan Omar dan para pegawai kanannya dalam bulan Oktober 1986. (Hujung sebelah kanan ialah pengarang)*



*Majlis kesyukuran pada 20.3.1986 di rumah presidennya, Mimi Zarina.*



*Para anggota "Persatuan" khusyuk mendengar syarahan agama.*



*Majlis Syarahan/dialog agama pada 13.8.1986 (dengan kerjasama Pejabat Agama Islam (WP) Kuala Lumpur.*



*Dr. Abdul Aziz bin Abdullah Pakar Perunding dan Ketua Jabatan Psikiatrik, Hospital Besar, Kuala Lumpur sedang memberi ceramah pada 23 November 1986.*



*Khidmat Masyarakat oleh para anggota Persatuan Mak Nyah (WP) Kuala Lumpur. Di Rumah Orang Tua. Cheras pada 25.9.86 dan di Wad Psikiatrik, Hospital besar. Kuala Lumpur pada 11.10.86. (bawah).*

# Mak Nyah:

## DITONJOL, DISISIH JANGAN

ADIK saya berjenaka: "Macam mana nak kahwin? Semakin sukar nak jumpa lelaki sesuai. Yang ...ama ada suami, tunang ...kekasih orang ataupun ...n dan homoseks."

...m ketawa, terfikir benar ...Sudahlah jumlah lelaki ...angan, yang ada pula bu...mua tulen! .Yang tulen ...di'tempah' orang.

...i beberapa tahun ini, go...lelaki yang mirip wanita ...n meningkat. Ramai wa...ah dibandingkan mereka ...ah lembut, solekan can...a menawan, manja dan ...melayan serta cekap me... kerja-kerja 'kewani...ianya kejadian semula ...k melengkapkan mere...iri wanita tulen seperti ...ks, haid dan keupayaan

... itu, ada pula lelaki yang ...eksnya bercelaru: zahi...ki tulen, tetapi selera ...bih bertumpu kepada ...jenis. Atau, ada meng...n hubungan jenis ...kedua-dua jantina.

...pit' di antara dua dunia, ... ini lazim bermasalah ...dalam mencari identiti, ...menimbulkan masalah ...kat. Malang setakat ini ...kat tidak tahu, tidak h...dak bersedia mengha...reka. Lazim dilakukan ...ngejek, menghina dan ... mereka menyampur ...at

berkekalan.

Pondan, mak nyah, kedi, bapuk, si lembut: antara pelbagai gelaran diberikan. Semuanya merangkumkan mereka dalam satu golongan menyebabkan penerimaan masyarakat seragam.

Tetapi menurut Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi Hospital Universiti dan Ketua Bahagian Sosial Obstetrik dan Ginekologi Universiti Malaya, **Prof Datuk Dr Khalruddin Yusof**, takrifan seragam mengenai 'lelaki mirip wanita' adalah salah.

"Jika mahu bercakap, menggubal undang-undang atau menulis mengenai golongan ini, perlu diketahui bahawa mereka adalah empat kelompok berbeza. Amat berbeza sehingga tidak adil melayani mereka secara sama," tegas beliau.

Empat golongan itu ialah pondan atau homoseks/lesbian; darai atau *transvestite;* transeksual; dan khunsa atau *haemophrodite.*

Pondan atau homoseksual cenderung kepada hubungan seks sesama jantina. Perlakuan mereka didorongi nafsu, gemar bercumbu-cumbuan sesama jenis atau berkhayal mengenai seks yang ditumpukan untuk mencapai kemuncak *(orgasm).*

Darai tahu jantinanya sebenar tetapi kerana dipengaruhi unsur luaran ketika kecil ...

tap melakukan hubungan seks dengan jantina berlainan).

Transeksual berasa dirinya terperangkap di dalam tubuh yang salah. Kalau lelaki, dia berasa terperangkap di dalam badan lelaki sedangkan 'sebenarnya' dia perempuan. Kerana itu mereka berpakaian wanita dan berteman lelaki.

Khunsa lahir bersama dua jenis organ jantina. Justeru naluri jantina mereka cenderung kepada organ lebih aktif. Masyarakat sukar menentukan sama ada mereka lelaki atau wanita. Tetapi keadaan ini amat jarang berlaku.

Kata Prof Datuk Dr Khairuddin, jika mahu dibuat perbandingan secara kiasan, bolehlah dikatakan homoseksual golongan durian, darai golongan pisang, transeksual golongan manggis dan khunsa golongan epal. Zahirnya keempat-empat adalah golongan buah-buahan, tetapi amat berbeza di segi rupa, rasa dan bau.

"Perbezaan itu sepatutnya dikaji supaya cara pendekatan untuk mengatasi masalah mereka juga boleh dibezakan. Yang menyedihkan, masyarakat bersikap mengambil mudah. Sekali-sekala diadakan operasi memberkas mereka secara besar-besaran, dihumbankan ke penjara, dihina, diejek, disergah, didenda dan kemudian dibebaskan. Masalah mereka masih tidak selesai."

Cara menghadapi golongan ...

Pondan, homoseks dan ...bian wujud kerana doron... nafsu. Zahirnya mereka ti... memperlihatkan ciri berbeza ...ripada keadaan semula jadi ...tika dilahirkan. Lelaki tamp... dan *macho* mungkin seora... homoseks. Lesbian tidak ... mestinya *tomboy;* yang lem... lembut dan menampilkan si... kewanitaan mungkin seora... lesbian!

Nafsu syaitan mendorong m...reka kepada perlakuan keji i... Ada juga menjadi homoseks da... lesbian secara 'sementara' m...salnya jika terkurung lama s...sama jantina (umpamanya ... dalam penjara) menyebabka... mereka menyalurkan nalu... seks sesama jenis. Perlakuan i... hilang setelah mereka kemba... kepada masyarakat bebas.

Darai, transeksual dan khun...sa amat berbeza daripada ho...moseks dan lesbian. Kewujudan mereka bukanlah kerana do...rongan nafsu tetapi faktor-fakto... luaran yang mempengaruhi me...reka sejak awal kehidupan ter...masuk ketika masih di dalam rahim ibu.

Apakan faktor-faktor itu?

Prof Datuk Dr Khairuddin dan Ketua Jabatan Psikologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, **Prof Madya Dr Muhamed Awang** memberi rumusan sama kepada soalan ini.

Menurut mereka, tiga faktor utama penyebab wujudnya tiga golongan itu ialah pengaruh ibu bapa, persekitaran dan baka.

Baka adalah punca paling rumit dan tiada cara mengatasi.

Prof Datuk Dr Khairuddin mengemukakan teori mengenai baka yang dirumuskan melalui kajiannya beberapa tahun lalu.

"Sebelum berusia 20 minggu, setiap janin mempunyai otak sama iaitu otak perempuan. Setelah usianya mencapai 20 minggu, zakar *(testicle)* janin lelaki akan mengeluarkan hormon dipanggil *testosterone.* Hormon ini pergi ke otak dan menyalurkan maklumat mengenai jantina janin itu. Maka otak itu menjadi otak lelaki. Tiada hormon tersalur ke otak janin perempuan menyebabkan ia berkekalan dengan otak perempuannya."

Mungkinkah dalam hal darai dan transeksual, tiada hormon ...

sesuatu hinaan di
ang tidak sampai ke
manusia.
ibu bapa dan per-
la boleh diatasi jika

Dr Muhamed, ada-
elaki menjadi 'mak
disebabkan baka
'identiti tugas janti-
a daripada 'kesalah-
a dan pengaruh per-

ukan saya anti wani-
t persamaan hak, te-
ng benar ini antara
gapa semakin wujud
ekeliruan jantina' ini.
ini tidak lagi menun-
toh nyata perbezaan
ki dan wanita dalam
ga dan masyarakat.
tikan dan mengeliru-

masyarakat tradision-
laki dididik mengerja-
lelaki, ke sawah, ke
tuk menebang mene-
k perempuan pula
ibunya mengerjakan
ah. Justeru sejak kecil
erdedah kepada per-
gas yang nyata: lelaki
nita begitu.
gi pakaian dan per-
un berbeza. Ada ibu
ana terlalu ingin anak
an, memakaikan anak
aian dan perhiasan ka-
k perempuan. Mereka
gap 'tidak apa' kerana
nak itu masih kecil se-
itulah permulaan ke-
dentiti.
duiu anak lelaki me-
tau bermain bola, anak
an bermain pondok-
atau anak patung. Kini
ampir sama. Anak lelaki
rempuan sama-sama
ar, berlari, memanjat
main bola. Ibu bapa t-
bezakan hak lelaki dan
uan. Kesan kekeliruan
ketika kanak-kanak itu
lima tahun."
jika anak terus di-
en kepada perbezaan tu
takut abapila dewasa
pula masalah suami
anu membantu isteri di
sepert kebanyakan lela-
rakat tradisional.
beliau: "Ya... itu berar
mengatas satu masalah
lain pula timbul. Bag
lasinya sekali lag timbul
ngan tugas ibu bapa ke-
nyurut anak lelaki ber
kerja rumah misalnya
ar bahawa sebagai kaum
ganugerahkan kekuatan

membentuk ... 'perempuan' tetapi tidak hilang sifat kelelakiannya."

Satu sebab lagi ialah kehadiran ayah amat terbatas dalam keluarga masyarakat moden. Keghairahan mencari wang, mengumpul harta serta banyak menyerahkan tugas mendidik anak kepada ibu, menyebabkan anak lelaki kehilangan contoh boleh ditiru. Ia berpaling mencontohi ibu dan keadaan menjadi buruk jika dalam keluarga itu ramai perempuan.

Dr Muhamed berpendapat, penerimaan masyarakat kepada kaum 'mak nyah' yang lebih berbentuk bahan jenaka adalah kesilapan besar.

"Misalnya watak-watak mak nyah atau lelaki lembut yang kini kian kerap ditonton melalui drama dan filem. Watak itu ditonjol-tonjolkan, masyhur dan dipuja remaja. Adakala pelakonnya tetap menggayakan watak itu dalam rancangan lain kerana tahu ia mendapat sambutan. Kerana pelakonnya terkenal dan watak itu diminati, secara tidak langsung ia menjadi ikutan remaja.

"Begitu juga seorang penulis yang banyak mempengaruhi remaja dan tidak salah dikatakan dia banyak membantu menaikkan taraf kaum 'mak nyah'. Soalnya di sini, tulisan-tulisannya menyebabkan ramai remaja terpengaruh, terikut-ikut dan menganggap berada dalam golongan itu suatu keseronokan atau aliran.

"Pendedahan kepada corak hidup homoseks dan lesbian di barat juga adalah pengaruh persekitaran yang membantu me-



nonjolkan golongan ini. Mereka mempunyai persatuan yang kuat dan sentiasa menonjolkan sikap agresif untuk menuntut hak dalam undang-undang.

"Bukan bermakna mereka harus ditolak dan disisihkan. Tidak mengapa mereka berpersatuan. Tetapi penerimaan masyarakat dan kegiatan persatuan mestilah yang membantu mengatasi masalah, bukan menambah dan menimbulkan masalah. Jika demikian kejadian ditetapkan Tuhan, mereka tidak boleh disalahkan. Tetapi jangan pula kekeliruan mereka dibiar dan digalak-galakkan. Kalau lelaki tulen boleh bersifat kewanitaan jika diasah selalu, apalagi mereka yang memang lahir bersama naluri itu.

